

Membaca

MS Teks 199

S.P. 2.4.1

Membaca dan memahami pelbagai bahan bukan sastera bagi mendapatkan maklumat dan menggalakkan pemikiran kreatif.

Baca petikan di bawah. Kemudian, lengkapkan Borang Lembaran Pengurusan Grafik (LPG) yang diberikan tentang kebaikan aktiviti bersukan.

KBAT | Kefahaman

HARI SUKAN NEGARA KE ARAH NEGARA BERSUKAN

MENINGKATKAN
PRODUKTIVITIKESEJAHTERAAN
MENYELURUHNEGARA CERIA
DAN BERSATUMENGENAL
BAKAT SUKAN

MINDA SIHAT

KESIHATAN



Sambutan Hari Sukan Negara peringkat sekolah merupakan satu program di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Sambutan Hari Sukan Negara ini merupakan satu langkah proaktif dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan negara Malaysia sebagai salah sebuah 'Negara Bersukan' (*Sporting Nation*). Oleh yang demikian, Hari Sukan Negara dijadikan sebagai satu agenda nasional yang selari dengan matlamat negara ke arah membentuk negara yang sihat. Hari Sukan Negara ini adalah penting dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif memandangkan peratusan masyarakat Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah, iaitu pada kadar sekitar 40 peratus berbanding dengan 50 hingga 60 peratus di negara maju. Budaya sukan melalui amalan gaya hidup cergas dan aktif pada masa yang sama dapat membantu menurunkan kadar penyakit.

Apakah kebaikan bersukan?

1	3
2	4